TAFSIR SURAK AL MULK

Pengenalan

Surah ini diturunkan di Mekah. Dari gaya lenggok bahasa yang digunakan, ulama mengatakan surah ini diturunkan di awal-awal Zaman Mekah (awal dakwah Rasulullah SAW). Ini kerana terdapat perbezaan bahasa yang digunakan semasa awal Mekah dan hujung Mekah. Sebagai contoh, Surah Yaasin diturunkan di hujung-hujung waktu baginda di Mekah. Dengan kita tahu bilakah masa ianya diturunkan, kita boleh faham kenapa Allah menggunakan bahasa yang sebegitu. Bahasa dalam surah al-Mulk ini dikatakan diturunkan di awal Mekah kerana ianya banyak mengandungi ayat-ayat peringatan kepada manusia.

(Sumber: https://celiktafsir.net/2013/05/29/mulk-ayat-1-5/)

Nama Surah

Surah ini dinamakan surah Al-Mulk(kerajaan). Ini adalah kerana permulaan surah ini Allah mengungkapkan kata-kata yang memuliakan, mengagungkan kebesaran darjatNya yang serba unggul dan Maha Berkuasa. Tuhan yang mentadbir kerajaan langit dan bumi secara mutlakNya. Menghidup dan mematikan; memulia dan menghinakan; dan segala-galanya dalam kehendak Allah.

Surah ini juga dinamakankan sebagai surah pelindung (al-waqiyah) dan penyelamat dari mereka yang beramal dengan membaca surah ini setiap hari menelamatkan nya dari azab kubur. Ibnu A'bbas menamakan surah ini sebagai surah pendebat (al-mujadilah) kerana surah ini akan mempertahankan pembacanya dari mendapat azab kubur.

(Rujukan: Tafsir Al Munir)

Kelebihan Surah

Rasulullah saw bersabda; " Di dalam alquran terdapat sebuah surah yang mengandungi 30 ayat(yang) memberi syafaat kepada orang yang mengamalkannya, orang itu juga diberi keampunan(oleh Allah). Surah tersebut ialah : " maha tinggi kebaktian Tuham yang menguasai kerajaan (alam semesta).

Attabarani, alhafiz al-Diya' al-Maqdisi pula mengemukakan riwayat daripada Anas bin Malik, katanya, Rasulullah saw bersabda:-

Satu surah membela pengamalnya sehingga ia dimasukkan ke dalam syurga iaitu "*Tabaarokallazi biyadihil mulku*"

Al- Tirmizi pula mengemukakan riwayat dari Ibnu Abbas, Rasulullah saw bersabda; “Ia adalah surah yang melindungi (pengamalnya). Ia juga penyelamat yang menyelamatkan(pembacanya) dari azab kubur”.

(Rujukan: Tafsir Al Munir)

Dalam tafsir ibnu kathir menerangkan kelebihan membaca surah almulk seperti berikut:-

Imam Ahmad meriwayatkan dari Abu Hurairah, dari Nabi ﷺ, beliau bersabda:

((إِنَّ سُوْرَةً فِي الْقُرْآنِ ثَلاَثِيْنَ آيَةً شَفَعَتْ لِصَاحِبِهَا حَتَّى غُفِرَ لَهُ: تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ.))

“Sesungguhnya ada sebuah surat di dalam al-Qur-an terdiri dari tiga puluh ayat yang memberikan syafa’at kepada pembacanya sehingga diberikan ampunan kepadanya: ‘*Tabaarakalladzii biyadihil mulku.*’”

Diriwayatkan oleh empat penulis kitab *as-Sunan* dari hadits Syu’bah. At-Tirmidzi mengatakan: “Ini adalah hadits hasan.” Dan diriwayatkan juga oleh at-Tirmidzi melalui jalan Laits bin Abi Sulaim dari Abuz Zubair, dari Jabir bahwa Rasulullah ﷺ tidak tidur sampai membaca ‘*alif laam miim tanziil*’ dan ‘*tabaarakalladzii biyadihil mulku*’.

Imam ath-Thabrani meriwayatkan dari Ibnu ‘Abbas bahwa Rasulullah ﷺ bersabda:

((لَوَدِدْتُ أَنَّهَا فِي قَلْبِ كُلِّ إِنْسَانٍ مِنْ أُمَّتِي.))

“Dan aku benar-benar ingin agar surat itu ada di hati setiap orang dari ummatku.”

Yaitu, surat *Tabaarakalladzii biyadihil mulku*. Ini adalah hadits gharib, dan Ibrahim sendiri adalah seorang yang *dha’if* (lemah). Hal yang serupa juga telah disampaikan sebelumnya di dalam surat Yaasiin. Hadits ini juga diriwayatkan oleh ‘Abd bin Humaid di dalam kitab *Musnad*nya dari Ibnu ‘Abbas, di mana dia berkata kepada seseorang: “Maukah engkau aku beritahu sebuah

hadits yang dengannya engkau akan bergembira?" "Mau," jawab orang itu. Dia berkata: "Bacalah, '*Tabaarakalladzi biyadihil mulku,*' dan ajarkanlah kepada keluargamu serta seluruh anak-anakmu, juga anak-anak muda di sekitar rumah-mu dan juga tetangga-tetanggamu, karena ia bisa menyelamatkan dan menjadi pembela yang akan memberikan pembelaan pada hari Kiamat di hadapan Rabb-nya bagi pembacanya dan engkau meminta kepada-Nya agar pembacanya itu diselamatkan dari adzab Neraka. Dan dengannya pula pembacanya akan selamat dari adzab kubur." Rasulullah ﷺ telah bersabda:

((لَوَدِدْتُ أَنَّهَا فِي قَلْبِ كُلِّ إِنْسَانٍ مِنْ أُمَّتِي.))

"Dan aku benar-benar ingin agar surat itu ada di hati setiap orang dari ummatku."

TERJEMAHAN DAN TAFSIR AL-MULK

Surah Al-MULK

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani

TERJEMAHAN AYAT 1-5

Dalil Kekuasaan Allah

Maha Berkat (serta Maha Tinggilah kelebihan) Tuhan yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat) dan memanglah Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu; (1)

Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat); (2)

Dialah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandanganmu dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan? (3)

Kemudian ulangilah pandanganmu berkali-kali, nescaya pandanganmu itu akan berbalik kepadamu dengan hampa (daripada melihat sebarang kecacatan), sedang dia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga dengan sia-sia). (4)

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan bintang-bintang dan Kami jadikan bintang-bintang itu punca rejaman terhadap Syaitan-syaitan dan Kami sediakan bagi mereka azab Neraka yang menjulang-julang. (5)

Tafsir ayat 1-5

Dengan ayat-ayat ini, kita berdakwah kepada manusia dengan mendahulukan ketauhidan Allah kepada manusia dengan menyebutkan kekuasaan Allah meliputi kerajaan langit dan bumi, seluruh alam semesta, dunia dan akhirat, sehingga digambarkan tidak ada ruang pun terkecuali dari penguasaan Allah. Untuk melahirkan rasa gerun pada hati setiap manusia kepada Allah.

Firman Allah yang bermaksud:-

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya**) gementarlah hati mereka** dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah". (2) :**Ayat 2, Surah Al Anfal**

Sesungguhnya kerajaan Allah itu maha hebat;

Firman Allah:-

Maksudnya:-

Tidakkah engkau mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Yang **Menguasai segala alam langit dan bumi?** Dan tiadalah bagi kamu selain Allah sesiapapun yang dapat melindungi dan yang dapat memberi pertolongan. (107): **Ayat 107, Surah Albaqarah**

Firman Allah:-

Maksudnya:-

"Dan bagi Allah **jualah kuasa pemerintah langit dan bumi**, dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu". (189) **Ayat 189, Surah Ali Imran**

Sesungguhnya kita ini dihidupkan di dunia ini adalah untuk **di uji** oleh Allah dan siapakah diantara kita ini orang yang beriman, sabar dan redha menghadapi **segala ujian Allah** dalam bentuk kekayaan dan kenikmatan dunia dan juga dalam bentuk kesulitan hidup didunia ini. Allah sentiasa memberi peluang kepada **hambanya untuk bertaubat** pada bila -bila masa selagi matahari tidak timbul di sebelah barat dan juga selagi nyawa belum sampai di khalqum(nazak).

Sabda nabi saw:-

Dari Anas r.a, katanya Rasullullah saw bersabda: “Andaikata manusia itu telah mempunyai harta benda sebanyak dua lembah, mereka masih ingin untuk mendapatkan satu lembah lagi. Tidak ada yang dapat mengisi perutnya sampai penuh melainkan hanta tanah (maut). Dan Allah menerima **taubat** orang yang bertaubat kepadanya”.

(Sahih Muslim No. 1009, Jilid 2)

Firman Allah:-

Maksudnya:-

“Maka apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, dia segera berdoa kepada Kami; kemudian apabila Kami memberikannya sesuatu nikmat (sebagai kurnia) dari Kami, berkatalah dia (dengan sombongnya): Aku diberikan nikmat ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku. (Tidaklah benar apa yang dikatakannya itu) bahkan pemberian nikmat yang tersebut **adalah ujian** (adakah dia bersyukur atau sebaliknya), akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat itu)”. (49) **Ayat 49, Surah Azumar**

Sabda nabi saw:-

Dari Anas r.a, katanya Rasullullah saw bersabda: “Andaikata manusia itu telah mempunyai harta benda sebanyak dua lembah, mereka masih ingin untuk mendapatkan satu lembah lagi. Tidak ada yang dapat mengisi perutnya sampai penuh melainkan hanta tanah (maut). Dan Allah menerima **taubat** orang yang bertaubat kepadanya”.

(Sahih Muslim No. 1009, Jilid 2)

Sabda nabi saw:-

Dari Abu Hurairah ra. , katanya Rasullullah saw bersabda: “Siapa yang taubat kepada Allah Taala sebelum matahari terbit dari sebelah barat (atau sebelum sakaratul maut), Allah menerima **taubatnya**”

(Sahih Muslim No. 2324, Jilid 4)

Ia juga menerangkan ciptaan Allah yang maha hebat dan maha sempurna untuk kita tatapi dan menelitinya. Jika ada diantara manusia ingin mencari sebarang kecacatan atau ketidak sempurnaan ciptaan Allah ini , pasti tidak akan menemuinya sama sekali. Bahkan manusia tidak mempunyai sebarang neraca bagi menilai ciptaan

Allah yang maha hebat dan maha agung. Akal manusia tidak mampu mencapai tahap yang membolehkannya menilai sebarang kekurangan ciptaan Allah. Allah maha hebat, Allah maha besar, Allah maha sempurna. Maha suci Allah dari sebarang kekurangan.

Firman Allah:-

Maksudnya:-

“Dan berapa banyak tanda-tanda kekuasaan Allah di langit dan di bumi yang mereka menyaksikannya berulang-ulang semasa mereka pergi dan datang, sedang mereka tidak juga menghiraukan dan memikirkannya. (105), **Ayat 105. Surah Yusuf**

Rumusan ayat 1-5

a. Zat Allah adalah zat yang maha agung yang mengatasi segala-galanya. Dia lah tuhan yang menguasai kerajaan Allah semesta.
b. Allah adalah yang menentukan hidup dan ajal manusia, juga mentakdirkan setiap apa yang berlaku pada manusia bermula dari kejadian manusia hingga ajalnya, juga rezeki, kesenangan dan kepayahan hidup manusia. Semua nya itu menjadi ujian kepada manusia bagi mengukur sejauh mana ketaatan manusia kepada Allah.
c. Sebarang kelemahan dan ketelanjuran manusia beriman akan diampun oleh Allah jika hampanya menyesal dan bertaubat.
d. Allah mencipta lapisan langity dan bumi dalam keadaan yang amat sempurna sehingga manusia tidak akan melihat sebarang kecacatan sedikit pun dari ciptaan Allah yang Maha Pencipta dan Maha sempurna.
e. Allah menghiasi langit dengan bintang-bintang dan dengan bintang-bintang itu Allah menjadikannya sebagai bola api untuk dilontarkan kepada syaitan yang cuba menceroboh rahsia Allah di langit.

TERJEMAHAN AYAT 6-11

Dan bagi orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhan mereka, disediakan azab Neraka Jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali. (6)

Apabila mereka dicampakkan ke dalamnya, mereka mendengar suara jeritannya meraung-raung, sedang ia menggelegak. (7)

Hampir-hampir ia pecah berkecai-kecai kerana kuat marahnya. Tiap-tiap kali dicampakkan ke dalamnya sekumpulan besar (dari orang kafir), bertanyalah penjaga-penjaga Neraka itu kepada mereka: Tidakkah kamu pernah didatangi seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran (di dunia dahulu)? (8)

Mereka menjawab: Ada! Sebenarnya telah datang kepada kami seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran, lalu kami dustakan serta kami katakan (kepadanya): Allah tidak menurunkan sesuatupun, kamu (wahai orang yang mendakwa menjadi Rasul) hanyalah berada dalam kesesatan yang besar! (9)

Dan mereka berkata: Kalaulah kami dahulu mendengar dan memahami (sebagai orang yang mencari kebenaran), tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli Neraka. (10)

Akhirnya mereka mengakui dosa-dosa mereka (sebagai orang-orang yang kufur ingkar), maka tetaplah jauhnya rahmat Allah dari ahli Neraka. (11)

Tafsir ayat 6-11

Jika kita merujuk dalam alquran terdapat banyak ayat-ayat yang berulang kali menyebut tentang azab neraka terhadap mereka yang ingkar dengan perintah Allah. Mereka bukan sahaja enggan beriman malah mereka menjadikan Allah, para malaikat dan para rasul sebagai musuh-musuh mereka. Ini dijelaskan oleh Allah dalam ayat

Firman Allah yang bermaksud:-

*Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan Al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah, yang mengesahkan kebenaran Kitab-kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya), serta menjadi petunjuk dan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang beriman. (97) Sesiapa memusuhi Allah (dengan mengingkari segala petunjuk dan perintahNya) dan memusuhi Malaikat-malaikatNya dan Rasul-rasulNya, khasnya malaikat Jibril dan Mikail, **(maka dia akan diseksa oleh Allah)** kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang-orang kafir. (98)* **Ayat 97- 98, Surah Albaqarah**.

Taksiran ayat 6-11

Allah menggambarkan bagaimana suasana neraka yang amat menggerunkan. Bunyi jeritan yang dahsyat manusia dan jin yang kafir dan ingkar dengan Allah ketika di campakkan kedalam api neraka. Bunyi menggelegak api neraka ketika menyambar, memamah dan membakar tubuh mereka itu.

Ahli negara ini mereka dalam keadaan yang hidup pun tidak dan mati pun tidak. Mereka telah di tanya oleh penjaga neraka, apakah dulu semasa didunia tidak ada sebarang rasul yang memberitahu akan balasan ini? Bahkan mereka mengakuinya namun mereka telah mendustakan rasul tersebut.

Mereka menyesali tentang semua kesilapan mereka, namun sesal mereka langsung tidak berguna disisi Allah.

Keadaan api neraka seperti yang di gambarkan oleh baginda nabi saw adalah seperti berikut:-

Diriwayatkan: Dari Abu Hurairah ra: Rasulullah saw bersabda “Api mu di dunia ini sepertujuh puluh api neraka”. Ada orang berkata “ keadaannya sudah mencukupi”. Beliau bersabda : “di tambah lagi dengan enam puluh Sembilan kali panasnya dari api d dunia”.

(Hadis sahih Bukhari Jilid3. No 1451).

Diriwayatkan : Abbas bin Muhammad Ad Duri Al- Baghdadi menceritakan kepada kami , Yaya bin Abu Bukair memberitahu kepada kami dari Ashim, dari dari Abu shalih, dari Abu Hurairah dari Nabi saw bersabda: “dinyalakan atas neraka jahanam seribu tahun sehingga menjadi merah kemudian dinyalakan atasnya seribu tahun hingga menjadi putih, kemudian dinyalakan atasnya seribu tahun sehingga menjadi hitam lalu neraka jahanamhitam pekat”.

(Hadis Sunan At-Termizi Jilid4. No. 2717).

Firman Allah yang bermaksud:-

Dan sungguh ngeri jika engkau melihat ketika mereka didirikan di tepi Neraka (untuk menyaksikan azabnya yang tidak terperi), lalu mereka berkata: Wahai kiranya kami dikembalikan ke dunia dan kami tidak akan mendustakan lagi ayat-ayat keterangan Tuhan kami dan menjadilah kami dari golongan yang beriman. (27)

Ayat 27, Surah Al- Anaam

Orang-orang kafir ini akhirnya mengakui tentang kekufuran mereka dan mereka langsung tidak mendapat rahmat Allah sama sekali. Dan mereka kekal didalam neraka.

Firman Allah yang bermaksud:-

Dan orang-orang kafir yang mendustakan ayat-ayat keterangan kami, mereka itu ialah ahli Neraka, mereka kekal di dalamnya. (39)

Ayat 39, Surah Al- Baqarah

Firmah Allah yang bermaksud:-

*Dan (pada masa yang mengecewakan itu) berkatalah orang-orang yang menjadi pengikut: Alangkah eloknya kalau kami dikembalikan semula ke dunia, maka (dengan itu dapat) kami berlepas diri daripada mereka sebagaimana mereka berlepas diri daripada kami (pada saat ini)! Demikianlah Allah perlihatkan kepada mereka amal-amal mereka (dengan rupa yang mendatangkan) penyesalan yang amat sangat kepada mereka dan mereka pula tidak akan dapat keluar dari Neraka. (167)***Ayat 167, Surah Al- Baqarah**

Rumusan ayat 6- 11

a. Orang- orang kafir Allah akan campak kan mereka kedalam neraka balasan kerana keengganan mereka untuk beriman kepada Allah.
b. Suasana api neraka yang dahsyak dan penuh lahap membakar tubuh mereka sebaik sahaja tubuh mereka mencecah api neraka.
c. Mereka telah di tanya oleh penjaga neraka , apakah mereka dulu pernah diberi peringatan oleh para rasul bahawa jika mereka enggan beriman kepada Allah mereka akan dicampakkan kedalam api neraka. Dan mereka mengakuinya , namun mereka mendustakan para rasul tersebut.
d. Mereka menyesal tentang apa yang telah mereka lakukan. Namun sesalan itu tidak berguna lagi. Dan mereka kekal dalam neraka.

TERJEMAHAN AYAT 12-15

Sesungguhnya orang-orang yang takut (melanggar hukum) Tuhannya semasa mereka tidak dilihat orang dan semasa mereka tidak melihat azab Tuhan, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar. (12)

Dan tuturkanlah perkataan kamu dengan perlahan atau dengan nyaring, (sama sahaja keadaannya kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada. (13)

Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? Sedang Dia Maha Halus urusan PentadbiranNya, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya! (14)

Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu: Mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya). (15)

Tafsiran ayat 12-15

Orang- orang yang benar-benar beriman akan sentiasa merasa takut untuk melanggar perintah Allah sama ada mereka berada bersendirian atau bersama orang lain.

Diriwayatkan: Dikhabarkan oleh Abu Hurairah ra., katanya pada suatu hari nabi saw duduk bersama –sama Jemaah, tiba-tiba datang kepadanya seorang lelaki bertanya. “Apakah erti iman”?. Jawab Rasulullah, “Iman ialah percaya kepda Allah, kepada malaikatnya, Kepada RasulNya, dan kepada hari kebangkitan”. Orang itu bertanya lagi,”Apakah erti Islam?. Jawab nabi “Islam itu menyembah allah dan tidak menyengutukannNya, mendirikan solat, membayar zakat, dan puasa dibulan Ramadhan. Lelaki itu bertanya lagi “Apakah erti ihsan”? Jawab baginda, “Ihsan ialah engkau menyembah Allah, seolah-olah engkau melihat dia. Miskipun engkau tidak melihatnya, maka sesungguhnya Dia melihat engkau”…. Hingga akhir hadis

(Hadis sohih Bukhari Jilid1, No.0042)

Allah bersifat maha mendengar dan maha mengetahui hinga pada isi hati manusia. Manusia dapat berpura-pura sesama manusia, namun manusia tidak dapat menyembunyikan sebarang kepura-puraan kepada Allah. Allahlah yang mencatitkan segala amal manusia melalui malaikat raqib dan a'tid.

Kehidupan manusia di dunia ini hanyalah sementara, dan Allah Taala yang menjamin dan membekalkan segala rezeki Nya untuk keperluan semasa hidup kita didunia. Dan manusia hendaklah berusaha mendapatkan segala rezeki yang telah Allah sediakan. Sehingga satu masa kita akan kembali kepada Allah. Dan kita akan dibangkitkan oleh Allah pada hari kiamat nanti untuk diadili dipadang mahsyar.

Firman Allah yang bermaksud:-

"Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan ia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Seperti itulah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya). (57)" **Ayat 57, Surah Al-Araaf**

Firman Allah yang bermaksud:-

"KepadaNyalah kembalinya kamu semua, sebagai janji Allah yang benar. Sesungguhnya Dialah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Dia mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya), untuk membalas orang-orang yang beriman dan beramal soleh dengan adil dan orang-orang yang kafir pula, disediakan bagi mereka minuman dari air panas yang menggelegak dan azab yang tidak terperi sakitnya, disebabkan mereka ingkar dan berlaku kufur". (4) **Ayat 4, Surah Yunus**

Rumusan ayat 12- 15

a. Setiap orang yang mengaku beriman kepada Allah wajib mempunyai perasaan takut kepada Allah. Kita perlu melawan kehendak nafsu dan hasutan syaitan yang menggoda kita untuk melakukan perkara yang mungkar.

b. Untuk menimbulkan kekuatan iman ini, kita hendaklah menzahirkan dihati kita bahawa Allah sentiasa memerhatikan kita dan mengetahui isi hati kita. Sebab itulah niat yang ikhlas kerana Allah merupakan asas kepada setiap amal yang kita ingin lakukan. Dengan ini kita dapat menghindarkan diri dari melakukan perkara yang menjadi larangan Allah, sebab tidak mungkin kita akan melakukan kejahatan dengan niat kerana Allah. Naluri semulajadi kita pun menolaknya.

c. Allah menyediakan rezeki yang seluas luasnya diseluruh ceruk rantau kepada kita untuk kita mendapatkannya. Dengan rezeki itu, kita dapat membelanjakan untuk keperluan keluarga, kerabat, masyarakat, negara dan dunia amnya. Semua sumbangan itu Allah akan hitung kita sebagai seorang hambaNya yang beramal soleh, dengan asas niat kerana Allah.

TERJEMAHAN AYAT 16-19

Patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Tuhan yang pusat pemerintahanNya di langit itu: Menunggang-balikkan bumi menimbus kamu, lalu bergegarlah bumi itu dengan serta-merta (melenyapkan kamu di bawahnya)? (16)

Atau patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Allah yang pusat pemerintahanNya di langit itu: Menghantarkan kepada kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu; maka dengan itu, kamu akan mengetahui kelak bagaimana buruknya kesan amaranKu? (17)

Dan demi sesungguhnya! orang-orang (kafir) yang terdahulu daripada mereka telah mendustakan (rasul-rasulnya lalu mereka dibinasakan); dengan yang demikian, (perhatikanlah) bagaimana buruknya kesan kemurkaanKu. (18)

Patutkah mereka menutup mata dan tidak memerhatikan (kekuasaan Allah pada) burung-burung yang terbang di atas mereka, (siapakah yang menjaganya ketika) burung-burung itu mengembang dan menutupkan sayapnya? Tidak ada yang menahannya (daripada jatuh) melainkan (kekuasaan) Allah Yang Maha Pemurah. Sesungguhnya Dia Maha Melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (19)

Tafsir ayat 16-19

Manusia sepatutnya berasa gementar dihati mereka setiap kali mereka melangkah memijak bumi Allah. Namun tidak semua manusia dapat merasa gementar dengan kekuasaan Allah. Hanya manusia yang beriman dan bertakwa sahaja yang dapat merasainya dengan peringatan Allah ini, dimana mereka merasakan bahawa Allah pada bila-bila masa sahaja akan menggegarkan bumi ini. Bagi manusia yang kafir, munafik dan fasik, mereka tidak dapat merasai kekuasaan dan kebesaran Allah. Hati mereka keras dan tidak merasa takut kepada Allah.

Firman Allah yang bermaksud:-

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya**) gementarlah hati mereka** dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah". (2) :**Ayat 2, Surah Al Anfal**

Firman Allah yang bermaksud:-

“Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, mereka adalah bisu dan tuli, di dalam gelap-gelita. Sesiapa yang Allah kehendaki: Akan disesatkannya (menurut peraturan tetapNya) dan sesiapa yang Dia kehendaki: Akan dijadikannya atas jalan yang betul lurus”. (39) : **Ayat 39, Surah Al Anaam**

“Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan)”. (38) : **Ayat 38, Surah Al Anaam**

Rumusan ayat 16- 19

a. Orang-orang beriman hendaklah sentiasa merasa didalam hati mereka perasaan tentang kekuasaan Allah. Hati-hati kita ini hendaklah dididik untuk tunduk dengan Allah.

b. Amalan zikir adalah salah satu cara bagi menanamkan rasa berhubung rapat dengan Allah.

   Diriwayatkan: Abdullah bin Abdur Rahman menceritakan kepada kami, Ishaq bin Musa memberitahukan kepada kami, ia berkata: Ma’an menceritakan kepada kami, Mu’awiyah bin Saleh menceritakan kepada kami dari Dhumrah bin Habib berkata: Amr bin Absah menceritakan kepada aku bahawa ia mendengar Rasululah saw cbersabda: “paling dekat Tuhan terhadap seorang hamba adalahpada tengah malam yang akhir kalau kamu mampu agar kamu termasuk orang yang berzikir kepada Allah pada saat itu, maka lakukanlah”. Hadis ini adalah hasan sahih gharib dari sanad ini.

   (Hadis Sunan Attermizi Jilid 5., No.3650)

c. Manusia terutama orang-orang beriman hendaklah sentiasa melihat alam ini sebagai ciptaan Allah yang maha sempurna. Secara tidak langsung ini lah sebahagian dari zikir hati yang sentiasa mengingati Allah sepanjang masa.

TERJEMAHAN AYAT 20 – 27

Bahkan siapa dia yang menjadi tentera bagi kamu, yang akan menolong kamu selain dari Allah Yang Maha Pemurah? (Sebenarnya) orang-orang yang kafir tidak lain hanyalah berada dalam keadaan terpedaya. (20)

Atau siapa dia yang dapat memberi rezeki kepada kamu jika Allah menahan rezekiNya? (Tidak ada sesiapapun), bahkan mereka (yang musyrik itu) kekal terus dalam keadaan sombong angkuh serta melarikan diri (dari kebenaran). (21)

Maka adakah orang yang berjalan (melalui jalan yang tidak betul, yang menyebabkan dia selalu jatuh) tersungkur di atas mukanya: Boleh mendapat hidayat atau orang yang berjalan tegak betul, melalui jalan yang lurus rata? (22)

Katakanlah (wahai Muhammad): Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) dan mengadakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (untuk kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur. (23)

Katakanlah lagi: Dialah yang mengembangkan kamu di bumi dan kepadaNyalah kamu akan dihimpunkan. (24) Dan mereka (yang ingkar) berkata: Bilakah datangnya (hari kiamat) yang dijanjikan itu, jika betul kamu orang-orang yang benar? (25)

Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya ilmu pengetahuan (tentang masa kedatangannya) hanya ada pada sisi Allah dan sesungguhnya aku hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran yang terang nyata. (26)

Kemudian apabila (datang kiamat dan) mereka melihat (azab) yang dijanjikan itu secara dekat, muramlah muka orang-orang yang kafir itu, serta dikatakan (kepada mereka): Inilah dia yang dahulu kamu kerap kali minta disegerakan kedatangannya!. (27)

Tafsir ayat 20 – 27

Sifat orang kafir yang menyembah selain dari Allah walau pun dimasa yang sama mereka mempercayai Allah telah di sindir oleh Allah dengan firmannya "*Bahkan siapa dia yang menjadi tentera bagi kamu, yang akan menolong kamu selain dari Allah Yang Maha Pemurah? (Sebenarnya) orang-orang yang kafir tidak lain hanyalah berada dalam keadaan terpedaya. (20) Ayat 20, Surah Al Mulk*

Adakah mana-mana tentera yang akan menolong mereka sewaktu mereka dalam kepayahan atau diserang oleh orang lain? Tentulah yang menolong bagi orang beriman itu hanyalah Allah Taala. Mereka sebenarnya adalah orang-orang yang terpedaya dengan hasutan syaitan.

Mereka adalah golongan yang sombong dengan Allah taala, seolah-olah mereka mempunyai kuasa sendiri atau meminta bantuan dari syaitan dan mereka tidak memerlukan pertolongan dari Allah Taala.Mereka sebenarnya tidak mempunyai sebarang penyelamat pun bagi mereka. Inilah tanggapan salah yang ada pada mereka.

Orang kafir juga beranggapan bahawa ada pemberi rezeki yang lain selain dari Allah Taala. Mereka mengharapkan rezeki dari patung-patung sembahan mereka.

Sedangkan hakikatnya semua rezeki itu datang dari Allah Taala jua. Malah hujan yang turun dari langit pun adalah juga pemberian dari Allah. Sebenarnya mereka amat mengetahui perkara ini.

Firman Allah yang bermaksud:-

“Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagi mu dan langit sebagai atap, dan Dialah yang menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia hasilkan dengan (hujan) itu buah-buahan sebagai rezeki untukmu. Kerana itu jangan lah kamu mengadakan tandingan –tandingan bagi Allah, padahal kamu mengetahui” (22), **Ayat 22, Surah Al Baqarah.**

Dan Allah taala tetap membiarkan orang kafir terus hidup kerana belas kasihan Allah yang maha pengasih dan rahmatNya adalah meliputi semua makhlukNya.

Namun sikap mereka ialah terus bersikap sombong dan angguh dengan kebenaran dan mereka terus mempertahankan kesesatan mereka. Mereka tidak mahu mengambil iktibar dan berfikir bagi menilai kebenaran. Tentulah mereka yang dalam kesesatan ini akan terus semakin sesat dan tersungkur.

Allah Taala juga memberitahu orang kafir bahawa mereka dan seluruh mahluk adalah ciptaan Allah.

Firman Allah yang bermaksud:-

“Dan Allah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian Dia menjadikan kamu berpasangan (lelaki dan perempuan) dan tiada mengandung seseorang perempuan (juga seekor betina) dan tidak pula satu-satunya melahirkan (anak yang dikandungnya) melainkan dengan keadaan yang diketahui Allah dan tidak diberikan seseorang berumur panjang, juga tidak dijadikan seseorang pendek umurnya, melainkan ada kadarnya di dalam Kitab Ilahi. Sesungguhnya yang demikian itu mudah sahaja kepada Allah”. (11) **Ayat 11, Surah Al Fathir.**

“Bukankah Kami telah menciptakan kamu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang? (20) Lalu Kami jadikan air (benih) itu pada tempat penetapan yang kukuh, (21) Hingga ke suatu masa yang termaklum?”. (22) **Ayat 20-21, Surah Al Mursalat.**

“Dan pada hari itu, muka (orang-orang kafir) muram hodoh, (24) Sambil percaya dengan yakin bahawa mereka akan ditimpa malapetaka (azab seksa) yang membinasakan”. (25)

Ayat 24-25, Surah Al Qiyamah

Rumusan ayat 20-27

a. Allah adalah adalah pemilik sekelian alam yang sebenarnya menjadi penolong dan pemberi rezeki kepada sekelian makluknya.
b. Keadaan oarng yang sesat yang tidak dan enggan beriman kepada Allah adalah seumpama oarang bingung, sesat dalam kegelapan, yang mudah tersungkur dan lalai dalam perjalanan hidup. Ini adalah keadan orang-orang kafir yang menganggap tiada azab dan tiada hari hisab bagi amalan mereka. Namun bagi orang-orang beriman , mereka berjalan dalam keadaan yaang tenang seimbang, berwaspada dan bermatlamat yang benar tentang adanya hari pembalasan, surga dan neraka sebagai penghujung perjalanan hidup ini.
c. Allah mebuktikan tentang kesempurnaan kuasaNya yang mengizinkan burung terbang diudara tanpa ada apa-apa yang memegangnya. Allah mencipta manusia dengan membekalkan manusia akal untuk berfikir, melihat dan mendengar; di mana dengan sifat kejadian manusia ini dapat membantu manusia untuk meneroka alam dan menguruskan lama ini. Namun di satu ketika nanti manusai akan dihimpunkan semula pada hari kiamat untuk dihisab setiap amalan mereka dan diberi pembalasan setimpal dengan amalan mereka di dunia ini.
d. Manusia sebenarnya amat sukaur untuk berasa syukur dengan nikmat Allah. Pancaindera yang Allah berikan kepada mereka telah mereka gunakan pada tujuan yang tidak sebenarnya di kehendaki oleh Allah.
e. Walaupun selepas diancam dengan azab , golongan kafir dengan sinis ingkar, menyindir bertanyakan bilakah waktu azab yang dijanjikan itu akan tiba.
f. Sebenarnya rahsia bila datangnya kiamat itu adalah kepunyaan Allah, dan tugas rasul hanyalah menyampaikan keterangan yang jelas berupa azab kepada yang enggan beriman dan nikmat kepada orang-orang beriman.

TERJEMAHAN AYAT 28 – 30

Tanyalah (wahai Muhammad, kepada mereka): Bagaimana fikiran kamu, jika Allah binasakan daku dan orang-orang yang bersama-sama denganku (sebagaimana yang kamu harap-harapkan) atau Dia memberi rahmat kepada kami (sehingga kami dapat mengalahkan kamu), maka siapakah yang dapat melindungi orang-orang yang kafir dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?. (28)

Tegaskan (wahai Muhammad, kepada mereka): Allah Dialah Yang Maha Pemurah, yang kami beriman kepadaNya dan yang kepadaNya kami berserah diri; oleh itu kamu akan mengetahui kelak siapakah yang berada dalam kesesatan yang nyata. (29)

Katakanlah lagi: Bagaimana fikiran kamu, sekiranya air kamu hilang lenyap (di telan bumi), maka siapakah (selain Allah) yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa terpancar mengalir?. / (30)

Tafsir ayat 28 – 30

Allah memerintahkan kepada nabi saw agar bertanya kepada orang kafir itu apakah manfaat, faedah dan kesenangan yang mereka perolehi jika Allah membinasakan nabi saw dan para pengikutnya, atau Allah akan memberi rahmat atau menangguhkan ajal kepada nabi saw dan orang-orang beriman?. Semua itu sebenarnya tidak memberi faedah kepada mereka. Ini bermakna mereka hendaklah bertaubat dan beriman dengan Allah denagn aqidah taudid yang benar, mengakui kenabian baginda saw dan hari kebangkitan. Sesungguhnya mereka tidak akan terlepas dari azab Allah.

Allah juga memberi tahu kepada nabi saw , Katakan kepada mereka , Dialah yang maha Pemurah, kami beriman kepadanya, kami tidak syirik kepadanya. Kami benar-benar bertawakkal kepadaNya sahaja bukan pada yang lain.

Firman Allah yang bermaksud:-

“Katakanlah (wahai Muhammad): Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal”. (51) **Ayat 51, Surah Attaubah**

“Tegaskan (wahai Muhammad, kepada mereka): Allah Dialah Yang Maha Pemurah, yang kami beriman kepadaNya dan yang kepadaNya kami berserah diri; oleh itu kamu akan mengetahui kelak siapakah yang berada dalam kesesatan yang nyata”. (29) **Ayat 29, Surah Al Mulk.**

Ayat 29 di atas, Allah menyindir orang kafir, bahawa mereka nanti akan mengetahui siapa yang berada dalam kebenaran dan siapa yang berada dalam kesesatan, dan siapa yang mempunyai kesudahan yang baik dan siapa yang mempunyai kesudahan yang buruk. Ini lah sindiran Allah kepada orang kafir yang mengharapkan pemimpin mereka dan berkeinginan kepada harta kekayaan.

Manakala ayat 30 diatas , Allah mencabar orang kafir jiika sekiranya Allah lenyapkan air yang ada dimuka bumi ini, dimanakah mereka akan memperolehi air bagi keperluan hidup mereka?. Sesungguhnya Allah maha pemurah lagi maha penyayang. Allah tidak menzalimi mereka, tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri. Mereka kufur dengan nikmat yang Allah berikan kepada mereka.

Firman Allah yang bermaksud:-

“Itulah ayat-ayat keterangan Allah, kami bacakan ia kepadamu (wahai Muhammad) dengan benar dan (ingatlah), Allah tidak berkehendak melakukan kezaliman kepada sekalian makhlukNya. (108) **Ayat 108, Surah Al Imran.**

“Dan Kami tidak mengutus seseorang Rasul pun melainkan supaya dia ditaati dengan izin Allah dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani”. (64) **Ayat 64, Surah Annisa’.**

Rumusan ayat 28- 30

a. Allah tidak akan menunaikan doa oarng orang kafir jiak merekja bermohon kepada Allah agar mencelakakan nabi saw dan oarang-orang beriman.
b. Mereka tidak perlu menyindir rasul dan oarang-orang beriman tau mencabar agar Allah datangkan kiamat segera. Sebab semua itu menjadi urusan dan rahsia Allah jua. Jalan selamat kepada mereka ialah mereka perlu beriman dengan aqidah yang benar seperti yang di kehendaki oleh Allah. Ilmu perbomohan, pendukunan dan menilik nasib hendaklah kita elakkan kerana semua itu adalah merupakan larangan Allah dan perkara yang syirik.
c. Sebagai orang beriman kita hendaklah bertawakal kepada Allah dalam semua urusan.
d. Air yang dipandang mudah dan biasa kejadiannya itu, Allah tetap mencabar makluknya yang bongkak , jika Dia memberhentikan bekalan air yang mengalir dimanakah harus oeng kafir itu mendapatkan air?. Sedangkan seekor nyamuk yang kecil pun, tidak mampu manusia menciptanya.

Firman Allah yang bermaksud:-

“Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk hingga ke suatu yang lebih daripadanya (kerana perbuatan itu ada hikmatnya), iaitu kalau orang-orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka dan kalau orang-orang kafir pula maka mereka akan berkata: Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan benda ini? (Jawabnya): Tuhan akan menjadikan ramai orang sesat dengan sebab perbandingan itu dan akan menjadikan ramai orang mendapat petunjuk dengan sebabnya dan Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik”. (26) **Ayat 26, Surah Al Baqarah.**

ISU SEMASA DAN APLIKASI SURAH ALMULK

Isu Semasa

a. Sikap manusia ini sentiasa cenderung untuk sesat dari ugama Allah. Kesesatan manusia ini bermula sejak zaman nabi Nuh as yang terdari dari keluarga dan anak nabi Nuh sa sendiri.

b. Di sepanjang zaman bermula dari zaman nabi Nuh as ini pertentangan antara aqidah yang benar dan sesat sentiasa berlaku. Golongan yang sesat ini sentiasa memusuhi Islam. Mereka sentiasa menyerang dan menyiksa umat Islam yang tidak mahu tunduk dengan kepercayaan mereka. Hinggalah di saat ini umat Islam sentiasa di fitnah, di adu-dumba, didiskriminasi akan hak mereka untuk menjalani hidup secara Islam.

c. Golongan golongan munafik dan fasik sering berperanan dari dalam melakukan fitnah terhadap pemimpin ugama dan para ulama yang kononnya pemimpin ugama terlalu jumud dan fanatik apabila dilihat pemimpin ugama tidak menyebelahi mereka. Golongan munafik cuba menyamatarafkan golongan ulama dengan mereka, agar mereka mudah memperlekehkan ilmu yang ada pada para ulama. Malah ada dikalangan golongan munafik ini sanggup menghukumkan sesat terhadap ulama yang berpegang kepada alquran dan alhadis.

d. Dilihatkan sebenarnya sikap manusia yang memusuhi Islam tidak pernah berubah sejak di zaman para nabi dan jahiliah hingga lah di akhir zaman nanti. Yang berubah cuma alatan dan zaman mengikut teknologi zaman masing masing. Perubahan hanyalah dari segi teknologi peralatan manusia sahaja.

e. Di zaman yang kononnya moden ini, sesetengah dari kita mendabik dada kononnya kita telah berada di zaman moden dalam semua hal kehidupan kita dan dapat melakukan apa sahaja denagn mudah dan cepat, dari sekecil- kecil barang hingga sebesar-besar barang manusia dapat menciptanya. Dengan sikap kagum dengan kemajuan peralatan teknologi moden ini, maka manusia lupa dan memperkecilkan alquran dan alhadis sehingga dikatakan bahawa alquran ketinggalan zaman.

f. Ada dikalangan pemimpin kita yang kafir pernah cuba memperkecilkan alquran, kononnya alquran tidak ada ilmu membuat jalan dan sebagainya. Dia ingat ilmu membuat jalan itu terlalu hebat, sehingga kagum dengan ilmu kejuruteraan. JIka kita amati kandungan alquran, isi kandungan alquran sebenarnya menjurus kepada pengurusan sikap manusia berhubung dengan bagaimana manusai perlu berhubung dan beraqidah dengan yang Maha pencipta, bagaimana manusia berhubung dan menguruskan alam, berhubungan atau bersilaturahim sesama manusia, bangaimana mengagihkan harta sesame manusia dan sebagainya. Kerana sikap manusia

yang kufur dengan aqidah yang benar itu lebih besar mudaratnya berbanding dengan kemudaratan jalan buatan manusia itu.

g. Sebenarnya Ilmu alquran itu lebih hebat dari lain-lain ilmu. Ilimu alquran ialah ilmu yang mendidik sikap manusia dalam berugama dan menguruskan alam ini. Dengan alquran manusia mempunyai aqidah yang benar. Dari aqidah yang benar melahirkan manusai yang beriman dan bertakwa kepada Allah. Dengan sikap takwa kepada Allah, manusia beriman akan bersikap ihsan dengan Allah, akan bersikap jujur dan amanah sesama manusia terutama dalam menggunakan kuasa dan pengagihan kekayaan dan harta kepada yang berhak menerimanya.

h. Sebagai contoh Sikap manusia yang buruk seperti membunuh, mabuk, menzalimi orang lain, menipu, merompak berzina dan sebagainya telah ada sejak zaman dahulukala lagi. Cumanya teknologi dan alatan sahaja yang berubah bagi melakukan semua kekejian itu. Kalau di zaman dahulu manusia membunuh menggunakan tombak, manusia akhir moden juga membunuh tapi menggunakan bom atom. Kalau manusia dahulukala berzina, manusia di zaman moden juga berzina. Pebezaannya cuma tempat berzina. Kalau manusia dahulukala berzina di dalam gua-gua atau hutan, manusai moden juga berzina tapi di dalam bangunan besar dan berhawa dingin. Kalau manusia dahulu kala merompak di jalanan, manusia di zaman moden merompak melalui talian internet. Namun sikap manusia sama ada di zaman dahulu kala atau moden tetap sama, sesat, tidak jujur dan sebagainya. Yang moden hanya alatan, namun sikap manusai tidak pernah dan tidak akan menjadi moden jika manusia menolak ajaran alquran.

i. Sebab itulah alquran bukan mengajar manusia untuk mencipta alat sebagai yang di cabar oleh mereka yang kononnya di dalam alquran tidak ada ilmu membuat jalan. Ilmu mebuat jalan atau benda adalah urusan manusia sendiri. Namun di dalam alquran menguruskan sikap manusi tentang aqidah yang benar, dengan aqidah yang benar akan lahir sikap amanah dalam menguruskan kerja dunia manusia seperti ilmu pengurusan/ politik , ilmu membuat jalan, bangunan , kapal terbang, roket dan sebagainya .

Aplikasi dan kesimpulan

Isi kandungan setiap surah dalam alquran termasuk surah albaqarah ini secara keseluruhannya memberikan gambaran tentang kesesatan manusia yang cenderung menyengutukan Allah. Sebab itu Allah sentiasa menyulami ayat-ayat dalam alquran dengan menerangkan aqidah yang benar yang sewajibnya manusiai ikuti. Mengikuti yang lain adalah di kira sebagai sesat dan menjadi pengikut syaitan dan Allah terangkan bahawa syaitan itu adalah musuh yang nyata kepad manusia.

Kesesatan manusia ini berlaku sepanjang zaman hingga akhir zaman atau moden ini hingga lah dihari kiamat. Kesesatan manusia ini berkisar dalam

perkara aqidah, cara hidup, akhlak, dan sebagainya yang semuanya menjurus kepada menzalimi diri manusai sendiri, alam dan sesama manusia.

Sebab itu alquran adalah sesuai di sepanjang zaman kerana alquran mendidik sikap manusia yang sepanjang zaman yang asasi fikrahnya bila lahir sahaja ke dunia ini, manusia akan hidup dan cenderung kepada nafsu. Dengan pendidikan alquran yang di beri pada manusia ini barulah manusia ini menjadi manusia yang berfungsi sebagai manusia sebenar sebagai khalifah Allah dibumi ini.

Firman Allah yang bermaksud:-

“Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”. (165) **Ayat 165, Surah Al Ana’am.**

Namun setiap kali seruan alquran ini sampai kepada manusia di setiap zaman , setiap kali dan setiap zaman it lah ada penentangannya. Sebagai manusia beriman, kita hendaklah terus menbuat seruan dakwah mengajak manusia beriman kepada Allah bagi mentadbir alam ini.

Firman Allah yang bermaksud:-

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut. Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayat petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya”. (36) **Ayat 36, Surah An Nahl.**

Rujukan:-

1. Alquran alqarim
2. Tafsir Almunir – Surah Almulk
3. Taksir Ibnu kathir- Surah Al mulk
4. Sahih Bokhari
5. Sahih Muslim
6. Sunan Al termizi